

Subsidi minyak masak dimansuh?

KUALA LUMPUR 19 Okt. - Subsidi minyak masak akan dimansuhkan selepas kerajaan membuat penstrukturan semula terhadap skim penstabilan harga minyak masak bermula bulan depan.

Menurut kenyataan Persatuan Pekilang-Pekilang Minyak Masak Malaya, ia membabitkan minyak masak campuran dan bertapis dalam botol untuk kesemua saiz kecuali bersaiz lima kilogram (kg).

Walau bagaimanapun, kata kenyataan itu, kerajaan masih memberikan subsidi terhadap minyak masak bertapis dalam pek satu kg tetapi harga siling ditetapkan pada kadar RM2.90 iaitu naik 40 sen berbanding harga sebelum ini.

"Harga minyak masak bertapis dalam botol lima kg pula ditetapkan pada harga siling RM15.25 ia itu meningkat sehingga RM1.90.

"Bagaimanapun, bermula Januari tahun depan, hanya

minyak masak bertapis dalam pek satu kg diberikan subsidi namun harga siling masih lagi belum ditetapkan manakala kesemua jenis minyak masak lain perlu mengikut harga pasaran terbuka," kata kenyataan itu di sini hari ini.

Dalam pada itu, persatuan tersebut mendakwa, pihak pembekal minyak masak akan mengalami kerugian selepas pelaksanaan skim baharu tersebut jika harga siling yang ditetapkan selepas disubsidi lebih murah daripada harga asal.

Katanya, pengeluaran minyak masak dalam botol lima kg pula dihadkan kuota hanya sebanyak 30 peratus setiap bulan sekali gus mewujudkan situasi tidak seimbang memandangkan permintaannya amat tinggi oleh pengguna.

"Pengguna boleh menjangkakan harga minyak masak dalam botol meningkat apabila ia tidak

lagi diberikan subsidi selepas Januari tahun depan.

"Selepas pelaksanaan skim baharu itu, pihaknya akan memastikan bekalan minyak masak yang tidak terlibat dengan pemberian subsidi mencukupi di pasaran dan pertemuan bersama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan akan diadakan untuk membawa isu-isu yang perlu dihadapi ahli-ahli persatuan selain mengurangkan impak kepada pengguna," katanya.

Kenyataan itu memberitahu, skim penstabilan harga minyak masak kini diletakkan di bawah kawal selia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan bermula 1 November ini selepas dipindahkan daripada tanggungjawab Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sejak tahun 2007.

4TUBAN 20/10